

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN**  
**AMAN RAZALI**  
**KAWASAN : KUALA NERUS**

**SOALAN NO.298**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kadar penurunan harga kereta sehingga kini dan jelaskan strategi bagi menurunkan harga kereta dalam pasaran di negara ini sehingga 30%.

**JAWAPAN**

Pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) pada Januari 2014 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga (EEV) dan meningkatkan keupayaan keseluruhan ekosistem industri automotif supaya lebih berdaya saing telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan.

Di bawah NAP 2014, Kerajaan telah menawarkan *customised incentive* termasuk pengurangan dan pengecualian cukai bagi menggalakkan pengeluaran kenderaan EEV dan pelaksanaan aktiviti nilai tambah tempatan. Hasilnya bagi tempoh 2013 hingga 2015, harga kereta telah menurun secara purata sebanyak 14.68%.

Mulai tahun 2016, harga kereta meningkat sebanyak 2.13% berikutan kejatuhan nilai Ringgit yang menyebabkan pihak syarikat pengeluar

kenderaan (OEM) tidak dapat membuat pengurangan harga kereta. Pada tahun tersebut, penurunan harga kereta secara keseluruhan hanyalah pada tahap 12.55%. Manakala pada tahun 2017, penurunan harga kereta secara keseluruhan telah meningkat sedikit sebanyak 0.52% iaitu menjadikan purata penurunan harga kereta bagi tempoh 2013 hingga 2017 adalah sebanyak 13.07%.

Harga kereta tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan tetapi ianya ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran (*market forces*) seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga yang diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Namun begitu, aspek harga kompetitif tetap diambil perhatian oleh Kerajaan untuk memberi kemampuan pemilikan kereta yang lebih baik kepada rakyat Malaysia dan juga untuk memastikan kos pengeluaran yang kompetitif dapat dicapai oleh industri automotif tempatan. Kerajaan akan terus berbincang dengan pihak OEM untuk memastikan harga kereta adalah berpatutan dan mampu milik. Beberapa syarikat dapat menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing termasuk pengenalan model/varian baharu dan penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**

**SOALAN : NO. 299**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status dan perkembangan terkini pembinaan Hospital Pengajar UniSZA serta nyatakan jumlah katil yang disediakan dan jumlah sebenar katil bagi memenuhi keperluan rakyat Terengganu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) telah diluluskan pelaksanaannya dengan kapasiti 400 buah katil dan projek ini akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan pembinaan untuk kapasiti 200 buah katil termasuk kerja-kerja infrastruktur dengan kos sebanyak RM345 juta. Fasa 2 pula akan melibatkan pembinaan bagi kapasiti 200 buah katil lagi dengan kos sebanyak RM255 juta.

Tarikh masuk tapak atau projek telahpun dimulakan oleh pihak kontraktor pada 21 Mac 2016. Sehingga 15 Februari 2018, status kemajuan kerja-kerja fizikal telah mencapai 12%. Projek ini dijangka siap pada bulan November 2019.